

09 OCT 2003

OIC-Annan

KOFI ANNAN DIJADUAL BERUCAP PADA FORUM PERNIAGAAN OIC

PUTRAJAYA, 9 Okt (Bernama) -- Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Kofi Annan dijangka akan menyampaikan ucapan khas pada Forum Perniagaan OIC di sini Rabu depan.

Beliau diberikan masa 10 minit untuk berucap dalam forum itu pada pukul 9.20 pagi, menurut penganjur forum, Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli).

Menurut satu kenyataan penganjur hari ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan forum dua hari itu pada pukul 5 petang, hari yang sama.

Diadakan bersempena dengan Sidang Kemuncak ke-10, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), forum perniagaan itu antara lain akan membincangkan isu-isu mengenai cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam yang timbul kesan daripada globalisasi, menangani masalah jurang digital, perkongsian pintar antara sektor awam dan swasta.

Instrumen kewangan Islam yang dinamik dan potensi globalnya, menguasai teknologi media dan komunikasi, menguruskan risiko dan kepelbagaian, di samping menggalakkan integrasi ekonomi demi memberi kelebihan kepada ummah, akan turut diketengahkan dalam forum yang akan berlangsung di Hotel Marriot Putrajaya.

Forum Perniagaan yang akan dihadiri oleh pemimpin-pemimpin kerajaan, ketua-ketua industri, pakar-pakar serantau, para professional dan pengurus-pengurus korporat itu juga akan turut menjadi platform untuk memupuk sokongan pelbagai hala.

"Dengan jumlah keseluruhan penduduk melebihi satu bilion penduduk dan dianugerahi dengan kekayaan sumber asli, semua 57 negara anggota OIC itu mempunyai potensi besar untuk menggalakkan aktiviti ekonomi di samping menyediakan peluang besar untuk kerjasama komersil antara mereka," menurut kenyataan itu.

Forum itu akan menyediakan peluang yang mencukupi untuk meningkatkan hubungan dengan eksekutif perniagaan antarabangsa terkemuka serta pemimpin parti, di samping memupuk suara Islam yang progresif serta moden dalam dunia berhubung dengan perniagaan antarabangsa.

Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo akan menjadi penceramah khas kepada sesi "Global Economy, National Mindset - Securing a Balance" pada hari Rabu.

Lima presiden juga akan turut berucap pada sesi "Special OIC Leaders Forum: Facilitating Growth, Advancing Peace Through Cooperation in the OIC Nations" pada hari Rabu.

Mereka adalah Jeneral Pervez Musharraf (Pakistan), Lt Jen Omar Hassan Ahmad Al-Bashir (Sudan), Sulejman Tihic (Bosnia and Herzegovina), Muammar Ghaddafi (Libya) dan Islam Karimov (Uzbekistan).

Presiden Pembangunan Bank Islam, Dr Ahmad Mohamed Ali pula akan berkongsi pandangannya dalam sesi "Promoting Sustained Growth and Prospects for Economic Integration Among Muslim Nations".

Bengkel minyak dan gas; dagangan serta syarikat-syarikat industri kecil dan sederhana, pelancongan, pembangunan infrastruktur dan pemerosesan makanan akan turut diadakan semasa forum berlangsung.

-- BERNAMA

JM AZZ AZH